

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 4/1991**

=====

**PEMEGANG GADAIAN MESTI HADIR SEMASA  
PEMBICARAAN DI DALAM SIASATAN DI BAWAH  
SEKSYEN 261 KANUN TANAH NEGARA**

-----

Adalah diperhatikan bahawa ada beberapa Pentadbir Tanah Daerah menjalankan siasatan dan membuat perintah lelongan awam di bawah Seksyen 263 Kanun Tanah Negara sungguhpun pemegang gadaian tidak hadir semasa diadakan siasatan tersebut. Tindakan membuat perintah lelongan awam di mana pemegang gadaian tidak hadir di dalam sesuatu siasatan, adalah bertentangan dengan peruntukan Kanun Tanah Negara Seksyen 262 (2) Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa:-

“(2) If the chargee fails to appear at the time fixed for hearing of any such enquiry, the Land Administrator shall dismiss the application.”

Sepatutnya jika pemegang gadaian (iaitu biasanya bank) atau pegawainya, tidak hadir di dalam siasatan, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menolak permohonan perintah jualan itu.

2. Keputusan ini telah dibuat dalam suatu penghakiman oleh Yang Arif Hakim Mustapha bin Hussain di dalam kes Originating Motion No. 25.1.90 Ahmad Sobri H.A. Tajudin lwn Bank Utama (M) Berhad dan Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson pada 4hb. Mei, 1990. Satu salinan penghakiman tersebut dikembarkan untuk makluman.

3. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor yang mengesahkan bahawa penghakiman tersebut adalah jelas. Bersama-sama ini disertakan pandangan dan nasihat Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor yang terkandung di dalam surat beliau P.U.Sel. 1218/11 (67) bertarikh 2hb. Mei, 1991 yang dengan jelas menerangkan maksudnya.

4. Dengan yang demikian, semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengambil perhatian dan mengikuti nasihat di dalam pandangan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri yang disebutkan di perenggan 3 di atas. Jika pada tarikh yang ditetapkan itu pemegang gadaian atau pegawainya tidak hadir semasa hendak menjalankan pembicaraan sesuatu siasatan itu, Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki menolak permohonannya untuk mendapat perintah jualan.

Sekian.

T.T  
**(DATO' IDRIS BIN DENAN)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 3hb. Jun, 1991

**Edaran Kepada :**

Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah dan  
Timbalan Pendaftar Hakmilik

s.k. - YB. Penasihat Undang-Undang Negeri  
Selangor Darul Ehsan.